Pelaksanaan Ujian Tekanan Risiko Iklim

Kebelakangan ini, kejadian bencana iklim berlaku dengan semakin kerap dan buruk. Bencana iklim memberikan kesan yang dahsyat terhadap ekonomi dan menimbulkan risiko terhadap sistem kewangan. Di samping itu, dasar dan strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan dan ekonomi lain dalam menangani cabaran iklim boleh mengakibatkan risiko peralihan yang seterusnya akan meningkatkan lagi ancaman terhadap kestabilan kewangan. Oleh yang demikian, peserta industri kewangan perlu memberikan perhatian yang tinggi dan mengambil tindakan segera bagi memastikan risiko ini diuruskan dengan berkesan dan sebarang kesan yang mungkin berlaku terhadap sistem kewangan dan ekonomi dapat dibendung.

Sehubungan dengan itu, pada bulan Jun 2022, Bank telah menerbitkan satu kertas perbincangan tentang rancangan pelaksanaan Ujian Tekanan Risiko Iklim (Climate Risk Stress Testing, CRST) untuk seluruh industri pada tahun 2024. Pelaksanaan CRST bertujuan menilai daya tahan institusi kewangan terhadap risiko fizikal dan risiko peralihan. Pelaksanaan CRST juga dijangka memperkukuh keupayaan Bank dan institusi kewangan mengukur dan menilai risiko iklim untuk menetapkan strategi dalaman bagi mengurangkan risiko tersebut. Pada peringkat industri, kesan kolektif tindakan pengurangan risiko oleh institusi kewangan juga dapat mewujudkan lingkaran maklum balas yang penting yang boleh mengurangkan atau meningkatkan risiko sistemik. Kesan ini dikaji melalui penggunaan senario iklim alternatif sebagai sebahagian daripada CRST. Maklum balas yang diberikan terhadap kertas perbincangan ini akan digunakan untuk memuktamadkan reka bentuk dan spesifikasi CRST.

Dalam ujian tekanan ini, Bank berhasrat untuk menggunakan tiga senario iklim buruk[1] bagi mendapatkan kesan laluan alternatif yang dikaitkan dengan pelbagai risiko peralihan dan fizikal yang berbeza. Senario tersebut adalah seperti yang berikut:

- Senario Dasar Semasa – senario ini membuat anggapan bahawa kerajaan tidak mengenakan apa-apa langkah baharu melangkaui langkah-langkah yang dilaksanakan sebelum ini bagi menangani risiko iklim. Ejen-ejen ekonomi pula tidak mengubah tingkah laku mereka untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gases*, GHG) dan teknologi penyingkiran karbon dioksida juga terhad. Risiko fizikal adalah buruk.
- Senario Sumbangan Peringkat Kebangsaan yang Ditetapkan – senario ini membuat anggapan bahawa langkah dasar yang dilaksanakan dan dijanjikan adalah berkesan meskipun beberapa langkah masih belum dijalankan. Beberapa risiko fizikal pada tahap sederhana hingga buruk dijangka berlaku dan hal ini mencerminkan tindakan dasar yang tidak mencukupi.
- Senario Peralihan Tertangguh – senario ini merangkumi risiko peralihan yang mungkin timbul berikutan kelewatan pelaksanaan langkah-langkah untuk menangani perubahan iklim. Usaha untuk mengurangkan pelepasan GHG tertangguh hingga tahun 2030. Langkah-langkah dasar yang lebih ketat kemudiannya dilaksanakan dengan serta-merta bagi mengimbangi pelaksanaan yang tertangguh itu. Ejen-ejen ekonomi terpaksa mengubah tingkah laku mereka secara drastik. Ini mengakibatkan gangguan mendadak terhadap aktiviti ekonomi dan pasaran kewangan.

Tempoh penilaian ujian tekanan ini akan meliputi hingga tahun 2050, sejajar dengan komitmen Malaysia terhadap pelepasan GHG sifar bersih.

CRST dibangunkan berdasarkan inisiatif sedia ada yang Bank telah laksanakan bagi memantapkan pengurusan industri kewangan dalam usaha menangani risiko kewangan berkaitan iklim. Inisiatif ini termasuk penerbitan standard dan rangka kerja untuk menambah baik amalan pengurusan risiko iklim oleh institusi kewangan[2] serta untuk menggalakkan pengelasan yang konsisten tentang dedahan terhadap risiko kewangan berkaitan iklim.[3] Inisiatif ini bertujuan untuk menambah baik keadaan yang akan membolehkan institusi-institusi kewangan melaksanakan CRST dengan ketelitian yang sewajarnya dan menggunakan keputusan ujian tersebut dengan cara yang berkesan untuk meningkatkan daya tahan iklim.

---

[1] Sila rujuk Kertas Perbincangan mengenai CRST 2024 untuk maklumat lanjut (https://www.bnm.gov.my/-/dp_2024_crst).
[2] Draf dedahan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario diterbitkan pada bulan Disember 2021.
[3] Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy) yang berkuat kuasa pada 30 April 2021 dan Panduan Sektoral Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework).